

1 JAN 1996

MTUC SYOR GAJI MINIMUM

KUALA LUMPUR, 1 Jan (Bernama) -- Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) hari ini mencadangkan agar kerajaan memperkenalkan gaji minimum khususnya untuk sektor pembinaan dan pertanian bagi mengurangkan pergantungan kepada tenaga kerja asing.

Presidennya Encik Zainal Rampak berkata jika ini dapat dilaksanakan, soal untuk menggunakan khidmat pesara dan suri rumah sebagai tenaga kerja bagi mengurangkan pergantungan kepada pekerja asing tidak timbul.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas perutusan Tahun Baru Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menyentuh antara lainnya mengenai hasrat kerajaan melatih pesara kerajaan dan swasta serta suri rumah sebagai tenaga kerja dalam bidang yang sesuai bagi mengurangkan pergantungan kepada pekerja asing yang dijangka meningkat sehingga 2.3 juta orang pada tahun 2000.

Zainal juga menyarankan agar kerajaan melanjutkan had umur pesaraan kakitangannya daripada 55 tahun kepada 60 tahun kerana ini dapat mengatasi kekurangan tenaga buruh.

Pengarah Eksekutif Persekutuan Majikan Malaysia, Encik Mohd Zain Abdul Majid berkata kebanyakan pekerja asing di negara ini bekerja di sektor pembinaan dan pertanian dan tidak mungkin golongan pesara dan suri rumah mampu memenuhi permintaan bagi tenaga buruh di kedua-dua sektor berkenaan.

"Golongan pesara dan suri rumah hanya boleh melaksanakan kerja ringan," katanya.

Seorang pemimpin masyarakat Datuk Lee Lam Thye yang menyokong hasrat kerajaan itu berkata peluang perlu diberikan kepada rakyat tempatan.

Katanya langkah itu dapat meringankan beban kewangan pesara kerana kebanyakan mereka mempunyai banyak tanggungan.

Beliau juga mencadangkan agar wanita profesional daripada kalangan rakyat asing yang mengahwini rakyat tempatan dibenarkan bekerja. -- BERNAMA